

MALAYSIA
DEWAN NEGARA
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI RABU, 12 DISEMBER 2007, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 28

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PN-1143-L4330
Dato' Ismail bin Kasim minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sama ada Kerajaan telah atau belum melaksanakan proses peningkatan keupayaan sistem bagasi di KLIA memandangkan masih terdapat masalah besar di dalam pengendalian sistem ini yang sering kali menyebabkan kelewatan dan kehilangan barangan penumpang, terutama di waktu-waktu yang terdapat banyak penerbangan keluar masuk ke negara ini menerusi KLIA.
2. PN-1143-L4459
Ir. Hiang A Li minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan mengapa Kerajaan masih belum dapat melaksanakan sesi persekolahan satu sesi sahaja, kerana ianya telah membawa pelbagai masalah kepada ibu bapa yang terpaksa mengambil anak dari sekolah yang berbeza-beza sesi dan mengapa sekolah-sekolah menggunakan buku-buku teks yang berbeza-beza mengikut negeri, dan apakah ada penyelarasan terhadap perkara ini.
3. PN-1143-L4157
Tuan Ahmad bin Hussin minta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan syarat-syarat kelayakan bagi syarikat-syarikat yang memohon Sijil Kelulusan syarikat membekal dan mengurus (outsourcing) pekerja asing dan syarat-syarat yang dikenakan oleh Kementerian kepada syarikat-syarikat membekal dan mengurus (outsourcing) pekerja asing ini.
4. PN-1143-L4203
Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan langkah yang telah diambil untuk mengatasi kekurangan tandas awam dan keadaannya yang kotor dan tidak berkualiti.

5. PN-1143-L3939
Tuan Munusamy a/l Mareemuthu minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah perbezaan di antara program Kolej Komuniti dan program MLVK dan adakah Kementerian merancang untuk memperkenalkan program MLVK yang mempunyai 'career path' yang nyata sampai ke peringkat ijazah sebagai sebahagian daripada program Kolej Komuniti.
6. PN-1143-L3984
Dato' Wong Siong Hwee minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan pengurusan alam sekitar adalah penting untuk mandiri (survival) negara di mana satu daripada komponen penting ialah pengurusan hutan. Nyatakan apakah tindakan yang telah diambil agar hutan di negara ini diuruskan dengan satu sistem pengurusan yang lebih baik.
7. PN-1143-L4395
Datuk Dr. Lee Chong Meng minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan bilakah Kementerian bercadang untuk mengenakan caj kesesakan (Congestion Fees) bagi kenderaan-kenderaan yang ingin memasuki pusat bandar Kuala Lumpur termasuk bas, lori dan teksi.
8. PN-1143-L4016
Tuan Chiw Tiang Chai minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan bilakah Kementerian merancang untuk menubuhkan Kolej Komuniti di semua kawasan Parlimen memandangkan dengan tiadanya institusi pengajian tinggi ataupun kemahiran di kawasan-kawasan ini, lantas menjejaskan pembangunan modal insan di kalangan warganya.
9. PN-1143-L3884
Puan Nordiana binti Datuk Haji Shafie minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan wujud pembayaran-pembayaran lain yang perlu dibayar oleh ibu bapa pelajar selain pembayaran yuran persekolahan dan yuran peperiksaan yang dinyatakan dalam pembentangan Bajet 2008 dalam usaha Kerajaan memberikan pendidikan percuma dan apakah dasar Kementerian dalam penetapan pembayaran-pembayaran berkenaan.
10. PN-1143-L3861
Puan Mumtaz binti Md. Nawī minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan skim bantuan khas serta agensi pelaksana kepada usaha wanita yang telah diperuntukkan dari tahun 2003-2007 mengikut negeri.
11. PN-1143-L3965
Dato' Haji Idris bin Haji Buang minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan apakah dasar tentang penamaan jalan-jalan di Kuala Lumpur. Bolehkah nama-nama jalan ditukar/disesuaikan mengikut penghormatan yang kita ingin beri ke atas sesuatu nama itu misalnya Jalan P.Ramlee ditukar ke nama yang lain dan nama P.Ramlee ditempatkan di jalan lain yang lebih melambangkan penghormatan ke atas keagungan seni beliau.

12. PN-1143-L4020
Tuan Wan Nordin bin Che Murat minta **PERDANA MENTERI** menyatakan strategi-strategi yang akan diguna pakai oleh Kementerian bagi memastikan penglibatan pelabur tempatan di dalam Wilayah Pembangunan Iskandar (WPI), Wilayah Ekonomi Koridor Utara dan Wilayah Ekonomi Pantai Timur kerana ada spekulasi yang menyatakan bahawa pelabur tempatan tidak berminat untuk melabur di dalam projek ini.
13. PN-1143-L3794
Dr. Raja Ram a/l K. Nadayson minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan bagaimanakah keberkesanan pelaksanaan pengendalian koperasi di sekolah-sekolah menengah memberi faedah kepada para pelajar.
14. PN-1143-L4224
Datuk Yaakob bin Haji Mohammad minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan berapakah jumlah kos pembiayaan yang terlibat bagi menangani isu penagihan dadah dalam tempoh 10 tahun yang lalu sehingga Oktober, 2007 dan apakah pandangan dan strategi Kerajaan kerana usaha-usaha bagi mengatasi masalah tersebut tidak begitu berjaya malah jumlah penagih dadah kian meningkat setiap detik dan saat.
15. PN-1143-L4338
Dato' Azian bin Osman minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan berhubung isu subsidi dan had jumlah sebenar subsidi negara berdasarkan situasi sekarang.
16. PN-1143-L4164
Dato' Lee Sing Chooi minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan bagi tahun 2003-2007 bilangan kekosongan pada bulan Januari setiap tahun bagi jawatan Penolong Kanan Tadbir, HEM, Kokurikulum, dan Penyelia Petang di SK, SJKC dan SJKT dan sebab-sebab utama kekosongan dan tindakan Kementerian dalam mengatasi kekosongan tersebut.
17. PN-1143-L4118
Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee minta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan setakat ini berapa ramai pelarian politik dari negara jiran yang berada di negara ini dan sehingga tempoh bila mereka akan dibenarkan pulang ke negara masing-masing.
18. PN-1143-L3710
Dato' Tajul Urus bin Haji Mat Zain minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan bagaimanakah sambutan untuk Skim Tabung Ekonomi di bawah Majlis Penggalakan Ekonomi Malaysia dan apakah kerangka strategi pihak Kementerian untuk menanamkan minat keusahawanan di kalangan para belia serta bentuk-bentuk latihan jangka panjang yang dirangka oleh Kementerian untuk tujuan ini.

19. PN-1143-L3929
Dato' Yip Kum Fook minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan Kementerian telah mengenal pasti empat (4) universiti sebagai "research university" dan telah memberi peruntukan kewangan.
20. PN-1143-L4467
Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pelan tindakan yang diambil untuk menentukan yang penuntut-penuntut yang dihantar keluar negara terutama yang mengikuti kursus-kursus kritikal seperti kedoktoran dengan menggunakan wang awam balik berkhidmat di negara selepas tamat pengajian dan bagaimana pula Kementerian dapat mengimbang tindakan ini dengan keinginan untuk melihat pelajar-pelajar memperoleh kepakaran yang tinggi yang tentunya berkehendakkan mereka terus berada di luar negara mencari pengalaman dan kepakaran ini.
21. PN-1143-L4378
Che Puan Sri Kelana D'raja Datin (Dr) Hajah Nik Azizah binti Haji Nik Yahya minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan sejauh mana proses siasatan kes pembunuhan kejam kanak-kanak, Nurin Jazlin Jazimin, berusia 8 tahun, yang dianggap jenayah paling terburuk pada tahun ini.
22. PN-1143-L4075
Puan Wan Ubaidah binti Omar minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah pendapatan kepada Kerajaan hasil dari minyak dan gas yang dinaikkan di Songkhla. Berapa pula royalti yang dibayar kepada Kerajaan Thailand.
23. PN-1143-L4421
Tan Sri Dato' Muhammad bin Muhammad Taib minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan sejauh mana pelaksanaan ke atas sekatan-sekatan laman web yang melampau terutama yang boleh mengganggu-gugat kestabilan dan keharmonian masyarakat.
24. PN-1143-L3736
Puan Hajah Wan Hazani binti Wan Mohd Nor minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan di manakah kedudukan taraf Universiti Malaya di peringkat dunia sekarang setelah dipimpin oleh seorang Naib Canselor wanita.
25. PN-1143-L4435
Datuk Armani binti Haji Mahiruddin minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan bapa adalah role model, idola dan pejuang peribadi kepada anak-anak. Namun, tugas ini semakin menurun dan pudar. Apakah Kerajaan perlu untuk membangkitkan kesedaran serta meningkatkan amalan kebapaan untuk melahirkan generasi yang berkualiti pada diri, komuniti, masyarakat, negara dan dunia yang semakin terbuka dan global.

26. PN-1143-L4372
Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah-langkah penyelesaian yang diambil Kementerian untuk mengekang peningkatan kos sosial yang ditanggung oleh rakyat negara ini kerana kegiatan jenayah rogol, rompak, peras ugut dan sebagainya yang berpunca daripada kebanjiran Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) ke negara ini yang tidak terkawal.
27. PN-1143-L4097
Puan Wan Ubaidah binti Omar minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan apakah kejayaan utama hasil bioteknologi negara yang berjaya di dalam dan di luar negara.
28. PN-1143-L4056
Datuk Latiff bin Datuk Thamby Chik minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan mengapakah penghayatan sejarah negara di kalangan pelajar sekolah menengah kurang berkesan dan adakah sukatan pelajaran Sejarah yang ada hari ini perlu diubah.
29. PN-1143-L3805
Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed minta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah drastik yang akan diambil oleh Kementerian bagi mengatasi masalah lambakan pekerja asing dan apakah tindakan Kementerian terhadap majikan khususnya pengusaha stesen minyak yang terus berdegil menggaji pekerja warga asing secara haram.
30. PN-1143-L4482
Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah spesifikasi yang diambil kira dalam pengagihan bantuan-bantuan mesin pembuatan kepada usahawan-usahawan kecil.
31. PN-1143-L3828
Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah benar terdapatnya syarikat di bawah Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD) yang beroperasi di KLIA mendapat hasil lumayan dari perniagaan menjual minuman keras dan apakah sebenarnya pendirian Kerajaan dengan penglibatan agensinya dalam perniagaan-perniagaan yang bercanggah dengan Islam sebagai agama rasmi negara.
32. PN-1143-L3893
Dato' Hajah Samsiah binti Samsudin minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan bilangan kes jenayah yang telah dilakukan oleh pendatang warga asing 5 tahun kebelakangan ini sama ada jenayah ringan mahupun jenayah berat.

33. PN-1143-L3788
Puan GK Loga Chitra minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan apakah langkah jangka pendek dan panjang untuk menangani isu pemanasan global dan perubahan iklim di Malaysia.
34. PN-1143-L4386
Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan berapa ramaikah ibu tunggal yang ada di Malaysia. Kategorikan mereka sama ada yang dari PPRT, bekerja, usahawan dan ahli profesional dan lain-lain bidang yang mereka masuki. Apakah tindakan pihak Kementerian melindungi dan membela bagi mereka ini meneruskan hidup dan karier mereka.
35. PN-1143-L3717
Dato' Sri Empiang Jabu minta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil bagi mengatasi (sekiranya ada) masalah kesesakan pusat tahanan pendatang haram dan apakah prosedur-prosedur khas yang telah ditentukan bagi mengendalikan kes-kes pendatang-pendatang haram berkeluarga bersama dengan kanak-kanak atau wanita perseorangan berdasarkan kepada garis panduan yang ditetapkan oleh UNHCR dan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).
36. PN-1143-L4249
Dato' Omar bin Faudzar minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan jumlah lesen perniagaan yang diluluskan di kawasan Chow Kit dan Petaling Street yang telah dipindah milik secara haram kepada warga asing.
37. PN-1143-L4410
Tan Sri Dato' Muhammad bin Muhammad Taib minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan langkah Polis DiRaja Malaysia (PDRM) dalam menangani perhimpunan-perhimpunan haram yang dianjurkan oleh pihak tertentu sehingga boleh memberi kesan tidak baik kepada kestabilan ekonomi, keselamatan dan pelancongan negara.
38. PN-1143-L4018
Tuan Wan Nordin bin Che Murat minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan mengenai usaha-usaha yang diambil oleh Kerajaan bagi menaik taraf sistem kereta api bandar (rail networking) untuk menjadi lebih efisien dan dapat mengatasi kesesakan lalu lintas serta membaiki rel yang acap kali melibatkan tren tergelincir dari relnya sehingga menyebabkan perjalanan kereta api yang lain bertangguh.
39. PN-1143-L3853
Tuan Osman bin Bungsu minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan langkah-langkah drastik bagi mempromosi gaya hidup sihat yang dapat diamalkan oleh rakyat dengan lebih berkesan.

40. PN-1143-L4309
Tuan Fatanah bin Datuk Haji Ahmad minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah rancangan jangka panjang Kementerian dalam usaha Kerajaan membantu membuka akses penduduk miskin kepada bidang pengajian tinggi terutamanya dalam bentuk pinjaman pendidikan dan bantuan kewangan kepada pelajar yang memerlukannya.
41. PN-1143-L4360
Che Puan Sri Kelana D'raja Datin (Dr) Hajah Nik Azizah binti Haji Nik Yahya minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan jumlah pengambilan guru bagi sekolah rendah dan menengah untuk menampung keperluan pertambahan bilangan pelajar menjelang 2010.
42. PN-1143-L4104
Datuk Haji Rizuan bin Abd Hamid minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan apakah kaedah yang digunakan untuk memastikan bahawa angkasawan negara telah benar-benar mencapai taraf seorang angkasawan mengikut landasan yang ditetapkan oleh antarabangsa.
43. PN-1143-L4316
Datin Paduka Datuk Nor Hayati Binti Tan Sri Dato' Seri Onn minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah tindakan proaktif dan kondusif yang perlu dilaksanakan bagi mengatasi masalah obesiti dan diabetes yang melanda kanak-kanak seawal umur 9 tahun.
44. PN-1143-L3702
Datuk Chew Vun Ming minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan kes-kes penculikan kanak-kanak semakin menjadi-jadi sehingga menyebabkan kematian. Keadaan ini adalah amat serius dan pihak Kerajaan perlulah mengadakan satu undang-undang yang lebih berat lagi bagi memastikan kejadian ini tidak berulang. Apakah tindakan yang telah diambil oleh pihak Kerajaan bagi menangani perkara ini.
45. PN-1143-L4013
Tuan Maijol bin Mahap minta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan kenapa Kerajaan tidak mengiktiraf bangsa "Kadazan dusun" dan masih mengamalkan "Kadazan" dan "Dusun" sebagai dua keturunan yang berbeza apabila seseorang memohon Sijil Kelahiran dan Kad Pengenalan sedangkan masyarakat Kadazan dusun di Sabah sudah pun menerima istilah "Kadazan dusun" tersebut.
46. PN-1143-L4306
Tuan Fatanah bin Datuk Haji Ahmad minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan bagaimanakah Kementerian mencari sesuatu keseimbangan di antara usaha Kementerian untuk menyediakan para siswa-siswi untuk memenuhi permintaan industri tetapi pada masa yang sama mempertahankan falsafah kewujudan universiti sebagai institut yang mengungguli bidang keilmuan, persuratan dan kajian.

47. PN-1143-L4131
Tuan Ahmad bin Hussin minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil bagi ketelusan dalam perolehan (procurement), pemberian kontrak/pembelian bagi Kementerian, Jabatan, Badan Berkanun dan GLCs.
48. PN-1143-L4277
Datuk Soon Tian Szu minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan bahawa Kerajaan berhasrat untuk mengurangkan pekerja asing dalam semua sektor. Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk memastikan sumber tenaga manusia yang mencukupi untuk semua sektor semasa tindakan diambil.
49. PN-1143-L4180
Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan statistik terkini jumlah graduan lepasan Institut Pengajian Tinggi yang masih menganggur di Johor. Apakah langkah jangka pendek dan panjang bagi mengurangkan peratusan pengangguran ini.
50. PN-1143-L4246
Dato' Gooi Hoe Hin minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan bilakah kajian komprehensif mengenai keperluan pekerja-pekerja asing negara akan diselesaikan dan sama ada ianya diumumkan kepada orang ramai.
51. PN-1143-L4485
Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan tindakan yang akan diambil untuk menyusun semula keseluruhan sektor pertanian, seperti yang dilaporkan dan adakah pengakuan yang rombakan dan penyusunan semula diperlukan segera juga bererti agensi-agensi yang ditubuh di bawah Kementerian seperti FAMA, FELCRA dan FOA gagal dalam tugas dan usaha meningkatkan kedudukan ekonomi petani dan membangun sektor pertanian dan dengan itu harus disusun semula atau di bubar sama sekali.
52. PN-1143-L3750
Puan Siw Chun a/p Eam minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan berapakah bilangan sindiket curi kereta yang dapat dikesan dan diberkas oleh pihak polis dari tahun 2005 sehingga pertengahan 2007 dan apakah jenis kenderaan yang paling banyak dicuri oleh mereka.
53. PN-1143-L4262
Dato' Gooi Hoe Hin minta **PERDANA MENTERI** menyatakan anggaran kasar PETRONAS mengenai simpanan minyak mentah negara dan tahun simpanan minyak mentah negara akan kehabisan.

54. PN-1143-L4076
Datuk Haji Rizuan bin Abd Hamid minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan apakah tujuan sebenarnya pihak yang mengadakan perhimpunan haram di Dataran Merdeka baru-baru ini selain daripada soal pilihan raya dan kenapakah pemimpin yang mendalangi perhimpunan ini tidak ditahan.
55. PN-1143-L3871
Tuan Osman bin Bungsu minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan adakah kajian telah dibuat bagi mengatasi pelajar-pelajar ponteng sekolah selepas menghadapi Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) dan Penilaian Menengah Rendah (PMR).
56. PN-1143-L4453
Ir. Hiang A Li minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan apakah kaedah yang digunakan untuk mengukur tahap pencemaran sesebuah sungai dan di Malaysia berapa buahkah sungai yang berada di tahap kritikal atau langsung tidak boleh digunakan lagi memandangkan Kerajaan sedang di dalam proses memelihara dan memulihkan sungai-sungai di Malaysia. Apakah teknologi yang akan digunakan dan jangkaan kos yang akan dibayar untuk sebatang sungai.
57. PN-1143-L3855
Tuan Chua Kim Chuan minta **MENTERI PELANCONGAN** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk mewujudkan Program Homestay di setiap daerah supaya dapat menambah pendapatan penduduk di luar bandar memandangkan program ini mendapat sambutan baik di kalangan pelancong-pelancong asing.
58. PN-1143-L4443
Datuk Armani binti Haji Mahiruddin minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mengapakah pemilikan ekuiti Bumiputera dalam sektor ekonomi negara masih ketinggalan dan belum mencapai matlamat dan sasaran sebenar selaras dengan Dasar Ekonomi Baru (DEB).
59. PN-1143-L3960
Tuan Rawisandran a/l Narayanan minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :-
- (a) apakah dasar yang digunakan oleh Kementerian atas pelantikan ahli pelawat di hospital Kerajaan; dan
 - (b) apakah benar Kerajaan / Kementerian menjual ubat di farmasi hospital Kerajaan mengikut kuota kaum.
60. PN-1143-L3814
Tuan Lee Chee Keong minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan dasar keangkasawanan Negara dan apakah serta bagaimanakah hasil kajian saintifik yang dibuat di angkasa lepas baru-baru ini.

61. PN-1143-L4055
Tuan Khoo Soo Seang minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan adakah Kementerian akan meneruskan pengambilan Guru Kontrak dan Kumpulan Guru Simpanan Kebangsaan (KGSK) sebagai langkah pendek untuk mengisi kekosongan jawatan guru.
62. PN-1143-L3904
Puan Mumtaz binti Md. Nawi minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan faktor perceraian di kalangan orang Islam dan bukan Islam dan apakah langkah untuk mencegah dan mengurangkan perceraian tersebut.
63. PN-1143-L3837
Tuan Lee Chee Keong minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mengumumkan jumlah belanja yang telah diluluskan setakat ini untuk menjayakan Rancangan Malaysia Ke 9.
64. PN-1143-L4034
Tuan Maijol bin Mahap minta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan sama ada Kerajaan sedar bahawa pemberian surat beranak lewat oleh Jabatan Pendaftaran Negara di Sabah adalah tertakluk kepada Ordinan Kelahiran dan Mati di mana ia tidak boleh dibuat dengan membelakangkan peruntukan ordinan tersebut untuk memastikan surat beranak lewat itu sah di sisi undang-undang.
65. PN-1143-L4143
Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan jumlah perbelanjaan yang telah dikeluarkan oleh Kerajaan dalam menjayakan program Angkasawan Pertama Malaysia, termasuk kos latihan selama setahun di Rusia dan ketika menjayakan misi dan kerja-kerja penyelidikan di Stesen Angkasa Antarabangsa (ISS) serta jumlah kos pengiklanan yang disiarkan di akhbar-akhbar tempatan.
66. PN-1143-L3917
Puan Hajah Wan Ramlah binti Wan Ahmad minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan kenapakah Kementerian dalam melaksanakan satu-satu dasar atau program sering melaksanakan secara tergesa-gesa tanpa mengambil kira persediaan atau keperluan awal seperti keupayaan dan kemahiran guru serta kecukupan kelengkapan atau bahan sebelum melaksanakannya.
67. PN-1143-L4165
Dato' Lee Sing Chooi minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan bilangan sekolah agama yang telah didaftar di bawah kawalan Kementerian, bilangan yang belum dan enggan berdaftar dan bilangan murid untuk kategori-kategori tersebut. Apakah masalah dan perbezaan yang dialami oleh sekolah tersebut sebelum dan selepas didaftar di bawah kawalan Kementerian.

68. PN-1143-L3748
Dato' Tajul Urus bin Haji Mat Zain minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan apakah projek-projek ICT yang telah dijalankan ataupun dirangka oleh pihak PDRM selaras dengan usaha Kerajaan untuk memperkasakan Kerajaan elektronik untuk menambahbaikkan sistem penyampaian negara.
69. PN-1143-L3848
Tuan Chua Kim Chuan minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan adakah Kerajaan pusat akan memberi peruntukan tambahan kepada Majlis Bandaraya Alor Setar untuk melakukan kerja-kerja yang tergendala akibat masalah kewangan.
70. PN-1143-L4345
Dato' Haji Kamarudin bin Haji Ambok minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan sejak penghapusan yuran peperiksaan dan yuran persekolahan berapakah jumlah yang perlu ditanggung oleh Kerajaan.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. (D.R. 43/2007) Rang Undang-undang Perbekalan 2008 - **Menyambung semula Perbahasan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang". [11 Disember 2007]**

(Menteri Kewangan)

2. PN-1143-U4231
Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mencadangkan agar penggunaan istilah Bahasa Melayu dikekalkan dan tidak digantikan dengan istilah Bahasa Malaysia. Ini menepati dengan apa yang sudah termaktub dalam Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan iaitu Bahasa Melayu adalah Bahasa Kebangsaan. Istilah Bahasa Melayu sudah lama digunakan, bahkan ia telah mengujudkan identiti dan perpaduan nasional di Malaysia".

(Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan)

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
(DEWAN NEGARA)**

<u>TAHUN 2007</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH DIBENTANGKAN</u>
ST.178	Laporan Tahunan Perbadanan Produktiviti Negara (NPC) Bagi Tahun 2006	12 Disember 2007
ST.195	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) Bagi Tahun 2006 (Telah Diaudit)	12 Disember 2007
ST.222	Akta Jalan Persekutuan 1959 Perintah Jalan Persekutuan (Malaysia Barat) (Pindaan) (No.5) 2007	12 Disember 2007
ST.224	Akta Jalan Persekutuan 1959 Perintah Jalan Persekutuan (Lebuhraya Laluan Pontian) 2007	12 Disember 2007